



**SEBAHAGIAN** penuntut baharu dan penasihat akademik yang menyertai program khas anjuran Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Batu Pahat, baru-baru ini.

## FPTV adakan perjumpaan dengan penasihat akademik

BATU PAHAT 9 Sept. - Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengadakan program khas bersama-sama pensyarah sebelum mereka dilantik menjadi penasihat akademik bagi sesi 2014/2015.

Dekan FPTV, Prof. Madya Dr. Razali Hassan berkata, program yang diadakan baru-baru ini bertujuan memberi penerangan tentang peranan dan tugas mereka sebagai penasihat akademik.

Menurutnya, peranan penasi-

hat akademik perlu diperluas bagi memastikan pelajar yang menuntut di FPTV memahami tugas dan pembangunan generasi muda akan datang dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

“Penasihat akademik perlu maklum tentang transformasi pendidikan bidang teknikal serta vokasional serta tahu hala tuju sesebuah institusi pendidikan dalam melahirkan generasi profesional pada masa depan.

“Untuk mencapai matlamat itu, tenaga pengajar serta penasihat

akademik perlu mempunyai kualiti yang tinggi agar dapat membimbing pelajar mereka dengan baik,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Seramai 2,276 penuntut pelbagai jurusan telah mendaftar di UTHM dan daripada jumlah itu, hanya 125 orang mendaftar mengikuti kursus ditawarkan di FPTV.

Razali berkata, jumlah yang kecil itu menunjukkan bahawa bidang pendidikan teknikal dan vokasional masih kurang men-

dapat perhatian daripada pelajar lepasan matrikulasi, diploma dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

“Pendapat masyarakat umum terhadap bidang pendidikan teknikal dan vokasional masih lagi berada pada tahap rendah dan persepsi ini harus diperbetulkan.

“Ini kerana bidang tersebut mampu memberi pulangan yang lumayan bertepatan dengan kemahiran dimiliki seseorang individu, selain profesion per-guruan,” katanya.